



IRSYAD

Soalan

Apakah yang dimaksudkan dengan Haji Mabrut?

Jawapan

Haji Mabrut adalah idaman bagi setiap jemaah haji yang melaksanakan ibadah haji di tanah suci.

Dari segi bahasa *mabrut* berasal daripada kata dasar *al-bir* yang bermaksud ketaatan dan ketelusan. Kalimah ini juga bermakna penerimaan dan kebaikan yang banyak. Imam Fudhail bin Iyad berkata “*Haji Mabrut ialah haji yang tidak ternoda dengan dosa sedikit pun ketika melaksanakannya.*” Pendapat ini juga turut dinyatakan oleh Imam al-Nawawi.

Haji Mabrut juga adalah satu-satunya haji yang diterima oleh Allah *Subhanahu wataala*. Sesiapa yang memperolehnya, maka balasan syurga telah menanti untuknya di akhirat nanti. Dalam satu hadis daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu* bahawa Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا، وَالْحَجَّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Maksud: “*Umrah ke satu umrah menghapuskan apa yang ada antara kedua-duanya, dan haji mabrut tidak ada balasan (yang layak) baginya melainkan syurga.*”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 1773 dan Muslim, 1349)

Menurut Imam al-Qurtubi pula, “*Haji Mabrut ialah haji yang dilaksanakan dengan sempurna dan bertepatan dengan setiap hukum dan ketentuan yang telah ditetapkan.*”

Kesimpulannya, proses untuk mendapatkan haji mabrut adalah bermula sebelum seseorang menjejak kakinya di tanah suci yang melibatkan niat, kos perbelanjaan, kesungguhan dan lain-lain. Maka, seorang jemaah haji hendaklah sentiasa mengambil berat dan membuat perancangan yang teliti agar dapat haji yang mabrut.

JABATAN MUFTI SARAWAK